



NEGERI SABAH

Saya memperkenankan,



TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR
BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri.

12 DISEMBER 2013.

No. 5 Tahun 2013

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Lembaga Industri Getah 1981.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lembaga Industri Getah (Pindaan) 2013.

(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2013.

Pindaan seksyen 2

2. Enakmen Lembaga Industri Getah 1981 [*Enakmen No. 25 tahun 1981*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memotong takrif “fungsi-fungsi”.

Pindaan tajuk Bahagian V

3. Tajuk Bahagian V Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “FUNGSI-FUNGSI” perkataan “DAN KUASA”.

Seksyen baru 24A

4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 24 seksyen yang berikut:

“Kuasa Lembaga

24A. (1) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau semunasabahnya perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), kuasa Lembaga hendaklah termasuk kuasa –

- (a) untuk memungut atau menyebabkan supaya dipungut wang yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang;
- (b) untuk melantik mana-mana agen, pakar atau mana-mana orang lain untuk melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki untuk dilakukan pada melaksanakan fungsi-fungsinya atau menjalankan maksud Enakmen ini dengan lebih baik; dan
- (c) untuk melakukan apa-apa benda lain yang disifatkannya patut untuk membolehkan Lembaga melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.”.

Bahagian baru VA

5. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 25 tajuk yang berikut:

“BAHAGIAN VA
SES”.

Penggantian tajuk Bahagian VA

6. Tajuk Bahagian VA Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “BAHAGIAN VA” dengan perkataan “BAHAGIAN VB”.

Pindaan seksyen 25

7. Seksyen 25 Enakmen ibu dipinda –

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Tiada apa-apa getah yang dikeluarkan di Sabah boleh dieksport dari Sabah melainkan jika ses telah dibayar berkenaan dengan getah itu dan mana-mana orang yang mengeksport atau cuba mengeksport apa-apa getah itu dari Sabah yang berlawanan dengan subseksyen ini melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 25A

8. Seksyen 25A Enakmen ibu dipinda –

- (a) dengan menomborkan semula peruntukan yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(2) Walau apa pun subseksyen (1), ses yang dikenakan di bawah seksyen 25 hendaklah terpakai bagi semua getah mentah yang dieksport di bawah seksyen ini.

(3) Tiada apa-apa getah mentah yang dikeluarkan di Sabah boleh dieksport dari Sabah melainkan jika ses telah dibayar berkenaan dengan getah mentah itu dan mana-mana orang yang mengeksport atau cuba mengeksport apa-apa getah mentah itu dari Sabah yang berlawanan dengan subseksyen ini melakukan suatu kesalahan.”.

Pindaan seksyen 25B

9. Seksyen 25B Enakmen ibu dipinda dalam subseksyen (4) –

- (a) dengan menggantikan perkataan “Seseorang yang gagal atau enggan membayar apa-apa ses yang dikenakan –” dengan perkataan “Mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan yang melakukan suatu kesalahan –”;
- (b) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “melakukan suatu kesalahan dan”;
- (c) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “melakukan suatu kesalahan dan”.

Pindaan seksyen 25C

10. Seksyen 25C Enakmen ibu dipinda –

- (a) dengan memotong subseksyen (1); dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “(2)”.

Seksyen baru 25EA

11. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 25E seksyen yang berikut:

“Kuasa penangkapan

25EA. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau cuba melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penangkapan di bawah subseksyen (1) hendaklah, tanpa kelengahan yang tidak perlu, membawa orang yang ditangkap itu ke balai polis yang paling hampir, dan sesudah itu orang itu hendaklah diperlakukan mengikut undang-undang yang berhubungan dengan tatacara jenayah yang sedang berkuat kuasa.”.

Seksyen baru 25GA

12. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 25G seksyen yang berikut:

“Kuasa untuk memeriksa

25GA. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa boleh, bagi maksud melaksanakan tujuan Enakmen ini, pada bila-bila masa yang munasabah memasuki, memeriksa dan meneliti mana-mana premis atau kontena.

(2) Dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (1), seseorang pegawai penguat kuasa boleh –

- (a) membuat pemeriksaan dan penyiasatan mengenai apa-apa getah, getah mentah, benda, buku, dokumen atau benda lain sebagaimana yang perlu untuk menentukan sama ada atau tidak peruntukan Enakmen ini telah dipatuhi;
- (b) mengarahkan supaya premis, kontena, atau mana-mana bahagiannya, atau apa-apa di dalamnya, hendaklah tidak diganggu, sama ada pada amnya atau dalam hal-hal tertentu, selama yang semunasabahnya perlu bagi maksud apa-apa pemeriksaan atau penyiasatan di bawah perenggan (a); dan
- (c) membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana buku, dokumen atau benda lain yang dijumpai di premis atau kontena itu.”.

Pindaan seksyen 25H

13. Seksyen 25H Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan”.

Seksyen baru 25IA, 25IB dan 25IC

14. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 25I seksyen yang berikut:

“Pemeriksaan orang yang mengetahui kes

25IA. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang membuat penyiasatan di bawah Enakmen ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian ke dalam bentuk bertulis.

(2) Orang itu adalah terikat untuk menjawab segala soalan berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penguat kuasa, tetapi dia boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin mendedahkan orang itu kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(3) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan itu.

(4) Seseorang pegawai penguat kuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memaklumkan orang itu mengenai peruntukan subseksyen (2) dan (3).

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamana mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas –

(a) pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuat olehnya; dan

- (b) dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan

25IB. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen ini, tiada pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seseorang pegawai penguat kuasa semasa penyiasatan yang dibuat di bawah Enakmen ini boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Apabila mana-mana saksi dipanggil bagi pendakwaan atau bagi pembelaan, selain tertuduh, mahkamah hendaklah, atas permintaan tertuduh atau pendakwa, merujuk kepada mana-mana pernyataan yang dibuat oleh saksi itu kepada pegawai penguat kuasa semasa sesuatu penyiasatan di bawah Enakmen ini dan boleh kemudiannya, jika mahkamah berpendapat patut demi kepentingan keadilan, mengarahkan supaya tertuduh diberikan suatu salinan pernyataan itu dan pernyataan itu boleh digunakan untuk mencabar kebolehpercayaan saksi itu mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(3) Jika tertuduh telah membuat suatu pernyataan semasa sesuatu penyiasatan, pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan bagi menyokong pembelaannya semasa perbicaraan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan terpakai bagi mana-mana pernyataan yang dibuat semasa suatu kawad cam atau terangkum dalam seksyen 27 atau perenggan 32(1)(a), (i) dan (j) Akta Keterangan 1950.

(5) Apabila mana-mana orang dipertuduh atas apa-apa kesalahan berhubung dengan pembuatan atau kandungan apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada pegawai penguat kuasa semasa sesuatu penyiasatan yang dibuat di bawah Enakmen ini, pernyataan itu boleh digunakan sebagai keterangan dalam kes pendakwaan.

Capaian kepada data berkomputer

25IC. (1) Seseorang pegawai penguat kuasa yang menjalankan suatu penggeledahan di bawah Enakmen ini hendaklah diberi capaian kepada data berkomputer sama ada disimpan dalam suatu komputer atau selainnya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “capaian” –

- (a) termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang dikehendaki untuk membolehkan data berkomputer difahami; dan
- (b) mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(2) dan (5) Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563].”.

Pindaan seksyen 26

15. Seksyen 26 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (1)(b) perenggan yang berikut:

“(ba) wang yang dipungut atau dibayar di bawah seksyen 49C;”.

Seksyen baru 49B dan 49C

16. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 49A seksyen yang berikut:

“Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan

49B. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini seseorang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, anggota jawatankuasa pengurusan, anggota jawatankuasa pengurusan subsidiari, anggota jawatankuasa pengurusan bersama, ketua pegawai eksekutif, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang dengan apa-apa cara atau pada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian –

- (a) boleh dipertuduh secara berasingan atau bersejajanya dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan –
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelak pelakuan kesalahan itu.

Pengkompaunan kesalahan

49C. (1) Pengurus Besar boleh, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Enakmen ini dengan menerima daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu, dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Suatu tawaran untuk mengkompaun di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh selanjutnya yang diberikan oleh Pengurus Besar, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk

mengkompaun telah dibuat dan mana-mana getah, getah mentah, benda, buku, dokumen atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Pengurus Besar, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan mengikut syarat-syarat kompaun.”.

DIPERAKUKAN oleh saya sebagai salinan Rang Undang-Undang yang tulen yang telah diluluskan oleh Majlis Dewan Undangan pada hari Khamis, 21 November 2013.

DATUK SERI PANGLIMA SALLEH TUN SAID,
Speaker,
Dewan Undangan Negeri.



STATE OF SABAH

I assent,



TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI JUHAR
BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri.

12TH DECEMBER, 2013.

No. 5 of 2013

An Enactment to amend the Rubber Industry Board Enactment 1981.

ENACTED by the Legislature of the State of Sabah as follows:

Short title and commencement

1. (1) This enactment may be cited as the Rubber Industry Board (Amendment) Enactment 2013.

(2) This Enactment comes into operation on 15 December 2013.

Amendment of section 2

2. The Rubber Industry Board 1981 [*Enactment No. 25 of 1981*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in section 2 by deleting the definition of “functions”.

Amendment of heading of Part V

3. The heading of Part V of the principal Enactment is amended by inserting after the word “FUNCTIONS” the words “AND POWERS”.

New section 24A

4. The principal Enactment is amended by inserting after section 24 the following section:

“Powers of the Board

24A. (1) The Board shall have the power to do all things expedient or reasonably necessary for or incidental to the carrying out of its functions.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), the powers of the Board shall include power –

- (a) to collect or cause to be collected money due to the Fund;
- (b) to appoint such agents, experts or any other person to do any act required to be done in the execution of its functions or the better carrying into effect of the purposes of this Enactment; and
- (c) to do such other things as it deems fit to enable the Board to perform its functions effectively or which are incidental to the performance of its functions.”.

New Part VA

5. The principal Enactment is amended by inserting before section 25 the following heading:

“PART VA
CESS”.

Substitution of heading of Part VA

6. The heading of Part VA of the principal Enactment is amended by substituting for the words “PART VA” the words “PART VB”.

Amendment of section 25

7. Section 25 of the principal Enactment is amended –

(a) by renumbering the existing provision as subsection (1) of that section; and

(b) by inserting after subsection (1) the following subsection:

“(2) No rubber produced in Sabah shall be exported from Sabah unless the cess has been paid in respect of such rubber and any person who exports or attempts to export any such rubber from Sabah in contravention of this subsection commits an offence.”.

Amendment of section 25A

8. Section 25A of the principal Enactment is amended –

(a) by renumbering the existing provision as subsection (1) of that section; and

(b) by inserting after subsection (1) the following subsections:

“(2) Notwithstanding subsection (1), the cess imposed under section 25 shall apply to all raw rubber exported under this section.

(3) No raw rubber produced in Sabah shall be exported from Sabah unless the cess has been paid in respect of such raw rubber and any person who exports or attempts to export any such raw rubber from Sabah in contravention of this subsection commits an offence.”.

Amendment of section 25B

9. Section 25B of the principal Enactment is amended in subsection (4) –
- (a) by substituting for the words “A person who fails or refuses to pay any cess imposed –” the words “Any person or body corporate who commits an offence –”;
 - (b) in paragraph (a), by deleting the words “commits an offence and”;
and
 - (c) in paragraph (b), by deleting the words “commits an offence and”.

Amendment of section 25C

10. Section 25C of the principal Enactment is amended –
- (a) by deleting subsection (1); and
 - (b) in subsection (2), by deleting the word “(2)”.

New section 25EA

11. The principal Enactment is amended by inserting after section 25E the following section:

“Power of arrest

25EA. (1) An enforcement officer may arrest without warrant any person whom he reasonably believes has committed or is attempting to commit an offence under this Enactment.

(2) An enforcement officer making an arrest under subsection (1) shall, without unnecessary delay, bring the person arrested to the nearest police station, and thereafter the person shall be dealt with according to the law relating to criminal procedure for the time being in force.”.

New section 25GA

12. The principal Enactment is amended by inserting after section 25G the following section:

“Power to inspect

25GA. (1) An enforcement officer may, for the purpose of carrying out the object of this Enactment, at all reasonable times enter, inspect and examine any premises or container.

(2) In exercising his powers under subsection (1), an enforcement officer may –

- (a) make examination and investigation of any rubber, raw rubber, thing, book, document or other article as may be necessary to ascertain whether or not the provisions of this Enactment have been complied with;
- (b) direct that the premises, container, or any part thereof, or anything therein, shall be left undisturbed, whether generally or in particular respects, for so long as is reasonably necessary for the purpose of any examination or investigation under paragraph (a); and
- (c) make copies of or take extracts from any book, document or other article found in the premises or container.”.

Amendment of section 25H

13. Section 25H of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (2) the following subsection:

“(3) Any person who contravenes subsection (2) commits an offence.”.

New sections 25IA, 25IB and 25IC

14. The principal Enactment is amended by inserting after section 25I the following sections:

“Examination of persons acquainted with case

25IA. (1) An enforcement officer making an investigation under this Enactment may examine orally any person supposed to be acquainted with the facts and circumstances of the case and shall reduce into writing any statement made by the person so examined.

(2) Such person shall be bound to answer all questions relating to such case put to him by the enforcement officer, but he may refuse to answer any question the answer to which would have a tendency to expose him to a criminal charge or penalty or forfeiture.

(3) A person making a statement under this section shall be legally bound to state the truth, whether or not such statement is made wholly or partly in answer to questions.

(4) The enforcement officer examining a person under subsection (1) shall first inform that person of the provisions of subsections (2) and (3).

(5) A statement made by any person under this section shall, wherever possible, be reduced into writing and signed by the person making it or affixed with his thumb print, as the case may be, after –

- (a) it has been read to him in the language in which he made it; and
- (b) he has been given an opportunity to make any correction he may wish.

Admissibility of statements in evidence

25IB. (1) Except as provided in this section, no statement made by any person to an enforcement officer in the course of an investigation made under this Enactment shall be used in evidence.

(2) When any witness is called for the prosecution or for the defence, other than the accused, the court shall, on the request of the accused or the prosecutor, refer to any statement made by that witness to the enforcement officer in the course of the investigation under this Enactment and may then, if the court thinks fit in the interest of justice, direct the accused to be furnished with a copy of it and the statement may be used to impeach the credit of the witness in the manner provided by the Evidence Act 1950 [Act 56].

(3) Where the accused had made a statement during the course of an investigation, such statement may be admitted in evidence in support of his defence during the course of the trial.

(4) Nothing in this section shall be deemed to apply to any statement made in the course of an identification parade or falling within section 27 or paragraphs 32(1)(a), (i) and (j) of the Evidence Act 1950.

(5) When any person is charged with any offence in relation to the making or the contents of any statement made by him to the enforcement officer in the course of an investigation made under this Enactment, that statement may be used as evidence in the prosecution's case.

Access to computerized data

25IC. (1) An enforcement officer conducting a search under this Enactment shall be given access to computerized data whether stored in a computer or otherwise.

(2) For the purposes of this section, "access" –

(a) includes being provided with the necessary password, encryption code, decryption code, software or hardware and any other means required to enable comprehension of computerized data; and

(b) has the same meaning assigned to it in subsections 2(2) and (5) of the Computer Crimes Act 1997 [Act 563].”.

Amendment of section 26

15. Section 26 of the principal Enactment is amended by inserting after paragraph (1)(b) the following paragraph:

“(ba) moneys collected or paid under section 49C;”.

New sections 49B and 49C

16. The principal Enactment is amended by inserting after section 49A the following sections:

“Offences by body corporate

49B. (1) If a body corporate commits an offence under this Enactment, a person who at the time of the commission of the offence was a director, a member of the management committee, a member of the subsidiary management committee, a member of the joint management committee, chief executive officer, manager, secretary or other similar officer of the body corporate or was purporting to act in any such capacity or was in any manner or to any extent responsible for the management of any of the affairs of the body corporate or was assisting in such management –

- (a) may be charged severally or jointly in the same proceedings with the body corporate; and
- (b) if the body corporate is found guilty of the offence, shall be deemed to be guilty of that offence unless, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all circumstances, he proves –
 - (i) that the offence was committed without his knowledge, consent or connivance; and
 - (ii) that he had taken all reasonable precautions and exercised due diligence to prevent the commission of the offence.

Compounding of offences

49C. (1) The General Manager may, compound any offence committed by any person under this Enactment by accepting from the person reasonably suspected of having committed such offence a sum of money not exceeding fifty per centum of the amount of the maximum fine for that offence, within the time specified in the offer.

(2) An offer to compound under subsection (1) may be made at any time after the offence has been committed, but before any prosecution for it has been instituted.

(3) Where the amount specified in the offer to compound under subsection (1) is not paid within the time specified in the offer, or within such extended period as the General Manager may grant, prosecution for that offence may be instituted at any time after such period against the person to whom the offer to compound was made.

(4) Where an offence has been compounded under subsection (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and any rubber, raw rubber, thing, book, document or other article seized in connection with the offence may be released or forfeited by the enforcement officer, subject to such terms and conditions as may be imposed in accordance with the conditions of the compound.”.

CERTIFIED by me to be a true copy of the Bill passed by the Legislative Assembly on Thursday, the 21st day of November, 2013.

DATUK SERI PANGLIMA SALLEH TUN SAID,
Speaker,
State Legislative Assembly.

